

MEJ PATRICIA YAPP KONGSI RAHSIA KEJAYAAN DI PROGRAM TN50 PERINGKAT SANDAKAN

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2639-mej-patricia-yapp-kongsi-rahsia-kejayaan-di-program-tn50-peringkat-sandakan

SANDAKAN, 7 Nov 17 – Mej Patricia Yapp Sau Yin TUDM telah diundang khas pada Program Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) peringkat Sandakan yang dihadiri seramai 1,000 pelajar, golongan muda dan orang awam dari daerah Beluran, Kinabatangan, Kunak, Lahad Datu dan Semporna.

Dalam sesi dialog tersebut, beliau menggariskan empat perkara yang menjadi kunci dan motivasinya untuk mencapai kejayaan iaitu disiplin, bekerja dalam kumpulan, kepimpinan dan keazaman yang tinggi.

Beliau juga mengingatkan golongan muda agar jangan sesekali berputus asa dalam mengejar impian, cita-cita dan kejayaan masing-masing selain daripada memperjuangkan kebolehan dan kelebihan yang dimiliki semaksimum mungkin

